

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [ RANAU ]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 7**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kesesakan lalu lintas merupakan satu daripada masalah yang semakin meruncing di bandar-bandar utama di Sabah. Apakah perancangan Kerajaan Persekutuan untuk membantu Sabah menangani masalah ini dan berapakah peruntukan yang disediakan untuk tujuan ini.

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman Yang Berhormat Ranau, kesesakan lalu lintas adalah masalah yang umum dihadapi di bandar-bandar di seluruh Malaysia. Dalam menangani masalah tersebut, kita harus mengambil pendekatan '*multi-agency*' di mana kerjasama antara agensi-agensi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan adalah mustahak.
2. Kerajaan Pakatan Harapan tidak akan mengabaikan pembangunan infrastruktur di Sabah. Pada masa yang sama, kami akan menghormati hak dan keinginan rakyat Sabah dan kerajaan Sabah dalam menentukan hala tuju pembangunan di Sabah, termasuk dalam bidang pengangkutan.
3. Untuk makluman Dewan, pada September yang lalu, Kementerian Pengangkutan telah membuat lawatan di sekitar Kota Kinabalu untuk menilai keadaan pengangkutan awam Bas Berhenti-Henti serta terminal bas KK Sentral.
4. Melalui lawatan tersebut, didapati keadaan bas yang beroperasi di Bandaraya Kota Kinabalu kurang sempurna, tidak sistematik dan tidak memberi keselesaan kepada pengguna. Kementerian juga telah melawat terminal KK Sentral yang masih belum beroperasi walaupun telah membuka tempat letak kereta kepada orang awam sejak Julai 2017. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan di bawah Barisan Nasional sebelum ini telah membiayai projek terminal KK Sentral melalui Kerajaan Sabah. Terdapat juga rancangan oleh kerajaan tedahulu untuk membiayai 3 lagi terminal pengangkutan tambahan iaitu Terminal Inanam, Terminal Selatan, dan Terminal Penampang bagi mewujudkan terminal bersepadu untuk sistem Bus Rapid Transit – BRT di Kota Kinabalu.
5. Semasa lawatan ke KK Sentral, Pihak Berkuasa Tempatan telah memaklumkan bahawa terminal ini hanya akan beroperasi apabila kesemua terminal yang dirancang siap dibina. Kementerian telah mencadangkan kepada Datuk Bandar Kota Kinabalu untuk

## NO. SOALAN: 7

memulakan *Request for Proposal* – RFP (dengan izin) daripada pemaju persendirian menggunakan kaedah Perkongsian Awam Swasta tanpa menunggu peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan memandangkan keadaan kewangan negara yang tidak mengizinkan buat masa ini.

6. Memandangkan kuasa membangunkan terminal dan sebarang infrastruktur adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri Sabah, Kementerian berharap agar perkara ini akan disegerakan Kerajaan Negeri Sabah seperti yang telah dicadangkan.
7. Di samping itu, mengambil kira hanya 3% ke 4% penduduk sekitar Kota Kinabalu menggunakan pengangkutan awam berbanding 34% pada 1996, Kementerian Pengangkutan akan menjalankan kajian bagi menambahbaik sistem pengangkutan awam serta menyusun semula laluan-laluan bas di Kota Kinabalu dan seluruh Sabah secara amnya. Inisiatif ini akan dijalankan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah yang kini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dengan seberapa segera.

Sekian, terima kasih.